| | Tajuk | Fokus WPA 21 | | | Rasional / Objektif | Keterangan Ringkas |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Dasar | Struktur Organisasi | Pelakuan Organisasi | | |
| **JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT** | | | | | | |
| 1 | Program Fire marshall | | | ✓ | Memberi kefahaman yang mendalam dan pendedahan yang luas berhubung dengan pencegahan kebakaran, pengurusan keselamatan awam | ◉ Pengosongan bangunan perlu ada latihan tertentu bagi memastikan kesemua orang tidak berada di dalamnya<br><br>◉ Tugas seorang Fire Marshall ialah membantu agensi keselamatan dan memastikan semua penghuni bangunan berada di 'Assembly point' dengan selamat |
| 2 | Fire Code (Fire Safety Order 2015) | ✓ | | | Garis panduan untuk Fire Safety Managers | Meningkat kesedaran individu agar dapat mewujudkan pelan keselamatan bangunan yang mantap dengan mengetahui tatacara melaksanakan, mengawal memantau dan mengkaji keselamatan |
| 3 | Anugerah Balai Bomba Contoh | | | ✓ | Penambah baikan dari:<br>-sudut operasi<br>-Sudut Perancangan dan Latihan<br>-Sudut Teknikal<br>-Sudut Pentadbiran dan kewangan | ◉ Sudut Operasi:<br>Peniliana tertumpu kepada pengetahuan, pengelaman dan kepakaran dalam pengendalian peralatan perkakas dan kepengkapan berujukkan prosedur, teknik keselamatan dan teknik<br><br>◉ Sudut Perancangan dan Latihan:<br>> Menekankan latihan 100jam setahun<br>> Penyediaan laporan latihan<br>> Meneliti jadual baris<br><br>◉ Sudut Teknikal:<br>> Pengursan dan kebersihan jentera penyelamat, perkakas dan kebersihan balai serta sekitarnya<br>> Mempunya sistem checklist yang teratur<br>> penyimpanan stor barang kebombaan<br><br>◉ Sudut Pentadbiran dan Kewangan:<br>> Memastikan sistem prosedur perfailan, persuratan buku catatan dan pengurusan minyak teratur dan kemaskini |
| 4 | Perlawanan Kemahiran Bomba (Skills Competition) | | | ✓ | | |
| 5 | Upgrading Fire and Rescue Management System | | ✓ | | | |
| 6 | Implementation of Public Private Partnership based on Bali Bomba SPARK | ✓ | | | | PPP adalah sebuah perjanjian kontrak anatara swasta dan kerajaan, yang keduanya bergabung bersama untuk menggunakan keahlian dan kemampuan masing-masing untuk meningkatkan pelayanan kepada orang awam dimana kerjasama tersebut dibentuk untuk menyediakan perkhidmatan kualiti yang terbaik dan peruntukan yang optimal |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | Pensijilan Institution of Occupational Safety and Health (IOSH) dan Pensijilan NEBOSH (National Examination Board in Occupational Safety and Health) | | | ✓ | ◉ Meningkatkan kompetansi dalam bidang keselamatan tempat kerja<br><br>◉ Untuk melindungi keselamatan tenaga kerja<br><br>◉ Meningkatkan daya saing | ◉ Bagi memenuhi jurang keselamatan kerja<br><br>◉ Melindungi kesehatan dan keselamatan anggota sehingga mereka dapat memaksimalkan semua kemampuan dalam bekerja tanpa rasa kuatir<br><br>◉ Melindungi masyarakat sekitar<br><br>◉ Memelihara harta benda milik kerajaan serta lebih tahan lama<br><br>◉ Mencegah dan mengurangi kecelakaan kerja |
| 8 | Emergency Handbook | | | ✓ | ◉ Untuk mengurangkan kesan kecemasan dan kemelangan jiwa terhadap anggota akibat daripada kebakaran dan bencena yang terjadi<br><br>◉ Untuk mencegah dan mengurangkan kerosakan harta benda akibat daripada insiden kebakaran dan bencana yang terjadi<br><br>◉ Untuk mengadakan pelan yang sistematik dan berkesan bagi memeastikan anggota mengungsikan bangunan/rumah apabila berlakunya keadaan kecemasan akibat daripada kebakaran/bencana dengan segera dan teratur | ◉ Malapetaka yang boleh mengakibatkan kerosakan kecacatan, kemusnahan harta benda, dan kehilangan nyawa akibat daripada malapetaka tersebut<br><br>◉ Mangsa kebakaran dan bencana pada umumnya terperangkap disebabkan masalah laluan atau tiadanya pelan tindakan yang sistematik dan tersusun yang memungkinkan mangsa untuk menyelamatkan diri<br><br>◉ Oleh yang demikian, panduan ringkas ini diharapkan dapat memberi maklumat asas berkenaan apa tindakan yang perlu dibuat sekiranya berlaku keadaan kecemasa yang disebabkan samada oleh kebakaran atau pun bencana |
| 9 | Program Peraturan-Peraturan Am Pegawai-Pegawai Kerajaan, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83) [General Orders -GO] dan Peraturan-Peraturan kewangan (1983) [Financial Regulations - RF] serta Surat-Surat keliling Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan | | | ✓ | ◉ Mahir dan kompetent dalam selok-belok Peraturan-Peraturan Am Pegawai-Pegawai Kerajaan, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggal 83 (General Orders - GO) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (!983) [Financial Regulations - FR] serta Surat-Surat keliling Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan mahupun arahan-arahan perkiraan khas tertentu yang ada kaitan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat<br><br>◉ Menduduki peperiksaan seterusnya lulus dan menerima insentif kewangan elaun bulanan sebangan BND100.00<br><br>◉ Mempunyai Kompetency, Kemahiran serta pengetahuan dalam Peraturan-Peraturan Kerajaan ini akan meningkatkan lagi keupayaan setiap Ketua-Ketua Bahagian, Pemerintah-Pemerintah Cawangan Operasi dan Kerua-Kerua Unit dalam Pengurusan Pentadbiran dan Kewangan di Bahagian/Cawangan/Unit masing-masing yang lebih efisen dan efektif | Menigkatkan kemahiran Ketua-Ketua Bahagian,Pemerintah-Pemerintah Cawangan Operasi dan Ketua-Kertua Unit supaya lebih kompetant, efektif dan efisen dalam pengendalian pentadbiran dan kewangan dalam Bahagian Cawangan Operasi serta Unit masing-masing dengan memberi dan menyebarkan pengetahuan dan informasi dari segi Financial Regulation (FR), General Orders (GO) serta Surat-Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan serta mana-mana peraturan-peraturan kerajaan yang berjalab dan berkuatkyasa pada masa ini kepada semua Pegawai-Pegawai/Anggota/Kakitangan dibawah jagaan/kawalan asing-masing sekaligus meningkatkan produkibiti Jabatan Bomba dan Penyelamat secara menyeluruh |
| **JABATAN DAERAH TEMBURONG** | | | | | | |
| 10 | Menyediakan Perancangan Strategik Jabatan Daerah Temburong, 2015 -2010 | ✓ | | | ◉ Menyediakan peta hala tuju Jabatan bagi tempoh lima tahun selaras dengan fungsi utama Jabatan iaitu; mengambangmajukan sosio-ekonomi masyarakat, memedulikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, dan memantapkan perpaduan dan keharmonian masyarakat<br><br>◉ Perancangan strategik ini disediakan sebagai satu perancangan bagi memastikan semua sasaran Prestasi Penilaian Utama (KPI) dicapai. | ◉ PS 2015-2020 disediakan pada tahun 2014 untuk memfokus beberapa sasaran yang dinyatakan di dalam PS KHEDN yang mana Jabatan Daerah Temburong berhasrat untuk dicapai dalam tempoh enam tahun<br><br>◉ Mengenalpasti Bahagian-Bahagian di Jabatan Daerah Temburong yang bertanggungjawab dalam pencapaian sasaran KPI-KPI yang tertentu |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | ◉ PS disediakan juga sebagai satu persediaan dalam menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang seperti ekpektasi yang meningkat daripada pihak-pihak seperti Kementerian Hal ehwal Dalam Negeri, Majlis Perundingan Kampung, dan juga orang ramai; Kemajuan dan kepesatan teknologi IT telah menyumbang kepada beberapa perubahan cara bekerja di Jabatan Daerah Temburong seperti pengunaan emel, pengenalan sistem GEMS dan sebagainya | |
| 11 | Pengamalan penggunaan emel Kerajaan | | ✓ | | ◉ Memepercepatkan lagi perhubungan di antara Jabatan dengan pihak-pihak yang lain<br><br>◉ Memudahkan lagi perhubungan dalaman di antara pegawai dan kakitangan di Jabatan<br><br>◉ Mengurangkan lagi perbelanjaan operasi Jabatan | Untuk mengurangkan kekerapan penghantaran surat (dispatch) ke Bandar Seri Begawan kerana ianya melibatkan kos pengangkutan yang tinggi |
| 12 | Pengurusan latihan-latihan seperti keusahawanan, pentadbiran dan kepimpinan bagi Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung | | | ✓ | ◉ Meningkatkan kemahiran Penghulu-Penghulu Mukim dan ketua-Ketua Kampung dalam mentadbir Mukim dan Kampung masing-masing<br><br>◉ Melalui kursus kepimpinan juga dapat meningkatkan lagi kewibawaan Penghulu-Penghulu Mukim dan Kampung masing-masing<br><br>◉ Latihan keusahawan juga dijalanakan bagi menggalakkan dan meningkatkan lagi penghasilan dan penjualan Satu Kampung Satu Produk yang sedia ada | Sebagai pemimpin di sebuah Mukim atau Kampung, Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung perlu mempunyai sistem pentadbiran yang cekap, gaya kepimpinan yang berkualiti dan berwibawa ke arah pencapaian kecemerlangan Mukim dan kampung. Ini juga akan menolong memambah hubungan yang lebih baik dengan penduduk kampung dan juga mendedahkan mereka kepada keusahawanan yang lebih berkesan agar penghasilan Satu Kampung Satu produk meningkat |
| 13 | Pengkalan data (Database) Peniaga | | ✓ | | ◉ Menyediakan satu sistem data dan maklumat terperinci peniaga-peniaga bagi rujukan Pegawai dan kakitangan<br><br>◉ Menggantikan buku rujukan peniaga-peniaga yang mana ia menyukarkan rujukan<br><br>◉ Lebih selaras dengan konsep 'Ease of Doing Business' dimana peniaga kini boleh memohon bagi membaharui Lesen Perniagaan melalui onebiz.gov.bn | ◉ Pengkalan data peniaga memuatkan butir peribadi, butir asas perniagaan serta perkara-perkara lain iaitu status sijil halal, jumlah pekerja asing dan tempatan, zon semi-urban atau ural dan gred kedai makan dan minum<br><br>◉ Penggunaan Micrsoft Excel bagi Pengkalan data ini memudahkan pencarian cepat akan maklumat peniaga. |
| 14 | Memperkenalkan Tamu Mingguan | ✓ | | | ◉ Memberi peluang perniagaan yang lebih luas kepada penduduk tempatan<br><br>◉ Menepati konsep 'Ease of Doing Business' dimana peniaga dapat memulakan perniagaan tanpa permohonan awal<br><br>◉ Mempelbagaikan lagi jenis jualan di Tamu Aneka Selera | Mengisi mana meja yang kosong (bukan konsep *reserve* meja), berniaja setiap minggu dan tidak perlu menunggu hujung bulan; dan mendapat lebih banyak peluang perniagaan |
| 15 | Pengkalan data (Database) Tunggakan Hasil | | ✓ | | ◉ Pengunaan dan pengemaskinian maklumat lebih tepat dan cepat dari Unit Kewangan kepada Unit Penguatkuasa<br><br>◉ Tindakan dapat dilaksanakan secepatnya ke atas peniaga yang gagal menjelaskan sewa tertunggak | Penyelarasan di antara Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan dengan Unit Kewangan bagi menangani masalah tunggakan-tunggakan hasil |
| 16 | Business Facilitation Centre (BFC) | | ✓ | | Memudahkan orang ramai berurusan ke BFC yang mana berfungsi bagi membaharui Lesen Perniagaan | ◉ Mulai 2015 sehingga kini dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan dah Perlesenan sahaja bagi proses membaharui Lesen Perniagaan dan pembayaran<br><br>◉ Pengutipan Hasil dari Unit Kewangan Jabatan Daerah Temburong tidak lagi perlu mengeluarkan resit bagi pembayaran Lesen (emngurangkan proses dan masa bagi pengeluaran Lesen Perniagaan) |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 17 | Prosedur dan kertas Temuduga Peniaga | | ✓ | | ◉ Memantapkan dan memudahkan prosedur memproses permohonan, memaklumkan, menumuduga dan mengeluarkan surat tawaran dan dukacita<br><br>◉ Menetapkan tugasan kepada Pegawi dan Kakitangan untuk prosedur temuduga ini | Prosedur dan kerja lebih teratur, cepat dan telus sperti sistem permakah yg diperkenalkan mulai 2016 bagi memudahkan pemilihan penyewa; ahli penal dikurangkan; soalan lebih ringkas dan padat; sistem kehadiran lebih teratur dan mudah bagi ahli penal membuat rujukan |
| 18 | Penelitian dan draf Surat Perjanjian Peniaga dan Jabatan | ✓ | | | ◉ Merangka dan menyediakan satu Surat Perjanjian yang lebih komprehensif dan kemaskini dengan bantuan Pejabat Peguam Negara<br><br>◉ Mengurangkan atau mengelakkan tunggakkan hasil Kerajaan | ◉ Surat Perjanjian pada masa sekarang tidak dikemaskini lebih 10 tahun dahulu dan tidak pernah diteliti dan dikomen keberkesanannya oleh Jabatan Peguam Negara<br><br>◉ Peniaga didapati mengabil sambil lewa akan peraturan-peraturan yang dinyatakan didalam Surat Perjanjian seperti melengah-lengahkan pembayaran sewa atau tidak membayar langsung<br><br>◉ Beberapa clause dicadangkan untuk ditambah untk ememastikan penyewa akur dalam mematuhi peraturan yang telah dipersetujui dan untuk membolehkan Kerajaan membuat tindakan undang-undang |
| 19 | Pengemaskinian sistem failing | | ✓ | | ◉ Mengemaskini sistem fail di beberapa Bahagian Utama<br><br>◉ Memudahkan Pegawai dan Kakitangan untuk mendapatkan dokumen lebih cepat<br><br>◉ Mengurangkan work hazards | ◉ Dibeberapa bahagian utama tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk penyusunan dan penempatan fail-fail yang semakin meningkat dari masa ke semasa yang mana tekah menjejaskan pengurusan fail yang berkesan<br><br>◉ Beberapa penambahbaikan telahpun dibuat seperti pembuatan rak-rak fail |
| 20 | Penyediaan Spesifikasi Sebutharga *(Bill of Quantities )* | | ✓ | | ◉ Mempercepatkan dan melancarkan lagi pengeluaran tawaran atau sebutharga sebaik saja peruntukan telah diluluskan<br><br>◉ Melicinkan perlaksanaan projek dengan mengambil kira projek-projek dapat dilaksanakan dengan lebih awal dan di dalam tempoh masa yang ditetapkan | ◉ Penyediaan Spesifikasi Sebutharga (*Bill of Quantities* ) projek di bawah peruntukan khas yang telah dibenarkan oleh pihak kementerian<br><br>◉ Dengan memulakan projek lebih awal, maka peruntukan yang telah dikhusukan bagi tahun kewangan berkenaan dapat digunakan sepenuhnya |
| **JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN** | | | | | | |
| 21 | Melaksanakan kategori untuk mempertimbangkan permohonan Taraf Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam | ✓ | | | ◉ Garispanduan 17 kategori bagi taraf penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam adalah tujuannya untuk memberikan kemudahan daam tujuan pemerosesan permohonan-permohonan Penduduk Tetap diBahagian Permit Masuk, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan<br><br>◉ Ianya juga adalah bagi kemudahan orang ramai dalam melihat kategori kelayakan mereka dalam membuat permohonan dan Jabatan menjadi lebih telus dalam menjalankan tanggungjawap nya | 17 Kategori adalah seperti berikut:<br><br>> Anak kepada ibu warganegara Brunei<br><br>> Anak kepada bapa Penduduk Tetap Brunei (Stateless / Warga Asing)<br><br>> Anak kepada Ibu Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (warganegara asing) dan ibu bapa bercerai<br><br>> Anak luar pernikahan kepada ibu penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (stateless / warganegara Asing)<br><br>> Anak angkat kepada ibu/bapa warganegara Brunei<br><br>> Anak angkat kepada ibu/bapa Penduduk Tetap Brunei<br><br>> Anak tiri kepada bapa tiri warganegara Brunei<br><br>> Anak tiri kepada Bapa tiri Penduduk Tetap Brunei<br><br>> Isteri Kepada Suami Warganegara Brunei<br><br>> Isteri Kepada Suami Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam (Stateless / Warganegara Asing)<br><br>> Suami warganegara asing kepada isteri warganegara Brunei Darussalam |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | > Suami warganegara asing kepada isteri Penduduk Tetap Brunei (stateless)<br><br>> Asal usul keturunan yang terbukti<br><br>> Warganegara Asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan<br><br>> Warganegara asing yang menyumbang kepada perekonomian, pembangunan dan kemajuan warganegara asing golongan profesional |
| 22 | Jerayawara Akta dan Peraturan Imigresen di tempat-tempat strategik berniaga | ✓ | | | Untuk menambah lagi pengetahuan orang ramai / orang awam berkaitan dengan Akta dan Peraturan Imigresen terutama sekali yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan Imigresen. | ◉ Bahagian Penguatkuasaan adalah salah satu bahagian yang diberikan mendat dalam menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal imigresen<br><br>◉ Fokus utama adalah diberikan bukan sahaja kepada warga asing akan tetapi juga kepada warga tempatan agar tidak melakukan kesalahan-kesalahan imigresen<br><br>◉ Jerayawara ini adalah lebih kepada menerangkan tentang kesalahan-kesalahan penyalahgunaan pas-pas imigresen yang dikeluarkan oleh Jabatan, tinggal berlebihan masa dan lain-lainnya<br><br>◉ Tempat membuat jerayawara tersebut sengaja dipilih ditempat-tempat yang strategik iaitu tempat-tempat perniagaan |
| 23 | Pelancaran Pakaian Seragam konsep baru Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan buku panduan pakaian seragam bagi semua peringkat pegawai yang beruniform di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan | ✓ | | | Objektif Buku panduan:<br>◉ Memberi maklumat dan rujukan yang jelas dan teratur kepada pegawai-pegawai Jabatan tentang tatacara pemakaian pakaian seragam serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya<br><br>◉ Memberi kod-kod pakian tertentu kepada jenis-jenis pakaian seragam Jabatan mengikut kesesuaian tempat dan masa pengunaannya<br><br>◉ Memperkenalkan penambahan ke atas beberapa aksesori baru bagi mengimbangi kedudukan dan keseragaman pakaian seragam disemua Jabatan yang beruniform di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada semua peringkat pegawai<br><br>◉ Memastikan semua arahan dan ketetapan mengenai dengan pemakaian seragam dipatuhi dan sebarang pelanggaran akan diambil tindakan yang bersesuaian serta boleh menjejaskan peniliana prestasi kerja | Buku panduan pertama ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memberigikan jenis-jenis pakaian seragam yang akan dipakai semasa bertugas ataupun semasa menghadiri acara-acara tertentu oleh semua peringkat pegawai Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan. Pakaian seragam yang lengkap dan betul adalah penting bagi menunjukkan identiti sebuah organisasi dan juga lambang kuasa yang telah diperuntukan kepada seorang pegawai kerana tugas dan jawatannya |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 24 | Persetujuan untuk melanjutkan tempoh kad ABTC dari 3 ke 5 tahun | ✓ | | | Perlaksanaan dasar bagilanjutan kad ABTC kepada 5 tahun berkenaan adalah bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada permohon-permohon kod ABTC berkenaan mengikut kesesuaian tempoh pengunaan pada masa kini. Pengunaan kad ABTC berkenaan memberikan kemudahan cepat (fast track) ABTC lane) kepada kategori peniaga bagi keluar masuk melalui pos-pos kawalan imigresen negara-negara APEC | Kad ABTC merupakan projek kerjasama kumpulan 'Business Mobility Group' di bawah mesyuarat APEC. Jabatan ini merupakan Jabatan yang melaksanakan permohonan kad ABTC dan pemantauan terhadap penggunaan keluar masuk pengguna kad ABTC melalui ABTC lane |
| 25 | Negara telah mengadakan pengecualian visa di Negara Brunei Darussalam | ✓ | | | Objektif pengecualian visa adalah bagi memberikan kemudahan keluar masuk orang ramai ke negara ini tanpa keperluan visa mengikut tempoh masa tertentu bagi tujuan melawat dan rasmi | ◉ Pengecualian visa di anatara Negara Brunei Darussalam dan negara tertentu lazimnya dilaksanakan dengan persetujuan melalui 'Exchange of Notes'<br><br>◉ Jabatan ini merupakan salah satu agensi yang berperanan bagi perlaksanaan kemudahan pengecualian visa memandangkan Jabatan ini mengendalikan proses keluar/masuk orang melalui pos-pos kawalan imigresen. Pandangan bagi kesesuaian pemberian kemudahan pengecualian visa dan tempoh tinggal bagi warganegara tertentu dinegara ini adalah tertakluk kepada dasar, isu-isu seperti politik, ekonomi, budaya, ugama, serta sosial negara berkenaan.<br><br>◉ Pandangan yang diberikan Jabatan lazimnya akan diberikan kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi tindakan lanjut. Pindaan terhadap peraturan pasport akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Peguam Negara bagi perkara ini. |
| 26 | Projek membuat catatan maklumat kematian untuk meningkatkan ciri-ciri keselamatan sijil kelahiran bagi kepunyaan simati | | ✓ | | Objektif projek ini adalah bertujuan untuk memproses permohonan sijil kematian dengan mencatat meklumatmaklumat kematian sebagai ciri-ciri keselamatan dalam sijil kelahiran dan juga termasuk sijil kerakyatan, kad pengenalan, kad permit masuk dan paspot kepunyaan simati | ◉ Projek pengesahan taraf kerakyatan anak damit tidak diuruskan secepatnya setelah sijil kelahiran dikeluarkan telah dilaksanakan pada tahun 2009. Setelah projek ini dilaksanakan dan memberikan impak yang positif terhdpat perkhidmatan kepada orang ramai, maka projek lanjutan telah dibuat oleh Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat dengan kerjasama dibahagian Kad Pengenalan, Paspot serta Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.<br><br>◉ Projek ini mula dilaksanakan di cawangan Pendaftaran Kuala Beliat disebabkan KKC ini ditubuhkan di cawangan tersebut. Setelah peringkat ujicuba dilakukan, ianya kemudian dilaratkan kepada semua cawangan termasuklah ibu pejabat sendiri<br><br>◉ Projek ini adalah bagi tujuan meningkatkan keselamatan bagi mengelak sijil kelahiran dan dokumen-dokumen simati yang berkaitan disalah guna bagi orang-orang yang tidak bertanggungjawab<br><br>◉ Sebelumnya tiada catatan atau rekod ditulis dalam sijil kelahiran setelah seseorang itu meninggal dunia dan dikhuatiri nanti ia akan disalah gunakan. Begitu juga dari segi pembatalan dokumen-dokumen lain seperti Dokumen oerjalanan, sijil kerakyatan, Permit Masuk milik ynag telah meninggal tiada catatan pembatalan dibuat. |